


LATIHAN PENGUKUHAN (BAB 3)

1. Gambar di bawah menunjukkan pekerjaan di Malaysia.



Manakah yang menerangkan ciri-ciri pekerjaan tersebut?

- I. Penghasilan barang pengguna dan barang industry
- II. Aktiviti yang dijalankan dikenali sebagai aktiviti hulu
- III. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada pengguna
- IV. Melibatkan aktiviti pemprosesan bahan mentah menjadi barang siap atau separuh siap

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

2. Manakah yang menunjukkan pekerjaan dalam sector ketiga?

- A. Menangkap ikan
- B. Operator kilang kicap
- C. Mengajar di pusat tuisyen
- D. Memproses ikan menjadi keropok segera

3. Faktor manakah yang mempengaruhi seseorang individu dalam memilih pekerjaan?

- A. Majikan
- B. Rakan sekerja
- C. Pengaruh
- D. Pengalaman dan kemahiran yang dimiliki

4. Gambar yang berikut berkaitan dengan iklan pekerjaan.



Manakah yang bukan faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan tersebut?

- A. Upah benar
- B. Waktu bekerja
- C. Faedah sampingan
- D. Kelayakan akademik

5. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Pendapatan diterima tanpa memberi apa-apa sumbangan dalam ekonomi

Pendapatan manakah yang boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?

- I. Upah
- II. Biasiswa Pendidikan
- III. Pencen pesara kerajaan
- IV. Keuntungan perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

6. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Jeffry pada bulan Ogos

Gaji	RM3550
Makanan dan minuman	RM500
Dividen	RM 350
Petrol	RM300
Elaun	RM500
Bayaran insurans nyawa	RM250

Berapakah jumlah pendapatan Encik Jeffry?

- A. RM 3550
- B. RM 3850
- C. RM 4050
- D. RM 4400

7. Maklumat di bawah berkaitan dengan Puan Majidah.

Puan Majidah membuka simpanan tetap pada 1 Jun 2016 di sebuah bank bernilai RM25 000. Bank tersebut menawarkan kadar faedah sebanyak 2.45% setahun. Pada 31 Julai 2018, beliau telah membuat pengeluaran kesemua simpanan tetap beliau.

Hitung jumlah faedah yang diterima oleh beliau.

- A. RM 1327.08
- B. RM 1337.08
- C. RM 1347.08
- D. RM 1357.08

8. Manakah yang merupakan pelepasan cukai?

- A. KWSP
- B. PERKESO
- C. Pinjaman peribadi
- D. Perubatan ibubapa

9. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pendapatan dan perbelanjaan Encik Kamal.

Butiran	RM
Pendapatan	36000
Caruman PERKESO	2000
Zakat	400
Cukai pendapatan	450
Premium insurans	720

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Kamal?

- A. RM 2450
- B. RM 2850
- C. RM 3570
- D. RM 3150

10. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan Encik Amir pada tahun 2017.

Pendapatan dan potongan	RM
Gaji	18000
KWSP	11%
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180

Hitung pendapatan boleh guna Encik Amir.

- A. RM 15190
- B. RM 15290
- C. RM 15690
- D. RM 17270

11. Puan Chin menerima gaji bulanan sebanyak RM 4500. Kadar caruman KWSP beliau ialah 11% manakala kadar caruman majikan pula ialah 13%. Hitung jumlah caruman bulanan untuk tempoh setahun.

- A. RM 10800
- B. RM 12960
- C. RM 15690
- D. RM 13960

12. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pendapatan Encik Zahid.

Encik Zahid mempunyai simpanan di Maybank Berhad berjumlah RM 20000. Manakala beliau mempunyai wang tunai di tangan sebanyak RM 15000 di samping harta perniagaan sebanyak RM 45 000.

Jika kadar zakat ialah 2.75%, kira jumlah zakat yang perlu di bayar oleh Encik Zahid.

- A. RM 550
- B. RM 962.50
- C. RM 1787.50
- D. RM 2200

13. Gambar di bawah merupakan kaedah pembayaran yang diamalkan dalam perniagaan.



Manakah yang tidak benar tentang kaedah pembayaran di atas?

- A. Risiko kehilangan wang dapat dielakkan
- B. Dapat diterima di mana-mana sahaja premis perniagaan
- C. Membantu pengguna supaya lebih berdisiplin dalam berbelanja
- D. Dapat menikmati diskaun bagi setiap pembelian yang dilakukan

14. Apakah kelemahan menggunakan tunai dalam sesuatu urusan niaga?

- A. Diterima secara meluas dalam urusan niaga
- B. Tidak sesuai membeli barang yang mahal seperti kereta
- C. Menikmati harga yang murah kerana tidak melibatkan faedah
- D. Memperoleh diskaun tunai mengikut syarat yang ditentukan

15. Gambar di bawah menunjukkan sebuah kereta tempatan.

Syarikat Auto smart menawarkan pembelian kereta secara kredit
Hubungan Ali: 019 55556667
Harga: RM66 000
Tempoh pembayaran: 9 tahun
Kadar faedah: 3% setahun

A black and white illustration of a small hatchback car, likely a Toyota Aygo or similar model, shown from a front-three-quarter view.

Jika Puan Ani telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak 15%, berapakah bayaran ansuran bulanan kereta tersebut mengikut syarat-syarat tersebut?

- A. RM 220
- B. RM 535
- C. RM 659.69
- D. RM 776.11

16. Pernyataan manakah yang betul tentang belanjawan peribadi?

- A. Dapat mengawal kejatuhan harga barang
- B. Membantu individu berbelanja secara berhemah
- C. Menggalakkan individu untuk berbelanja sesuka hati
- D. Membolehkan individu membeli barang kehendak dengan mudah

17. yang berikut merupakan strategi simpanan yang boleh diamalkan oleh setiap individu, kecuali....

- A. Membeli unit amanah
- B. Membeli insurans nyawa
- C. Menyimpan wang di rumah
- D. Menyimpan di Lembaga Tabung Haji (LTH)

18. Pernyataan manakah yang benar tentang risiko pelaburan?

- A. Simpanan tetap bawah RM 250000 di bank perdagangan adalah bebas risiko kerana dijamin oleh PIDM
- B. Saham mempunyai risiko yang rendah kerana bergantung kepada turun dan naik harga saham
- C. Unit amanah mempunyai risiko yang tinggi kerana risiko dikongsi antara pelabur dana yang lain
- D. Sekuriti kerajaan mempunyai risiko yang tinggi kerana pelaburan tidak dijamin oleh kerajaan

19. Antara yang berikut, manakah pelaburan yang memberikan pulangan yang tinggi?

- I. Emas
- II. Simpanan tetap
- III. Sekuriti kerajaan
- IV. Urus niaga pertukaran asing

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Mengapakah kerajaan perlu mengawal harga barang keperluan?

- A. Mengurangkan kuasa beli pengguna
- B. Jaminan pengguna akan mendapat barang yang diinginkan
- C. Supaya penjual akan mendapat keuntungan yang maksimum
- D. Memastikan penjual tidak menaikkan harga barang sewenang-wenangnya